

*Urusan nikah ikut
jalan belakang
undang musibah*

13/4 24/7/12 MS 30

Waspada jerat kahwin di sempadan

Seemuanya nampak amat mudah dan terurus. Hanya perlukan pasangan untuk dibawa ke selatan Thailand dan selepas itu anda akan bergelar suami atau isteri. Segala masalah yang membelunggu untuk berkahwin di tanah air, nampaknya akan terlerai dan ia menyenangkan bagi lelaki yang ingin berpoligami atau kahwin apabila mendapat halangan keluarga.

Apa yang perlu dilakukan adalah menerokai internet dan tersedia pakej perkahwinan dengan lebih 10 laman web dikesan menawarkan perkhidmatan dengan bayaran serendah RM1,250. Perkara ini didedahkan BH baru-baru ini dan pakej itu merangkumi pengangkutan dari lapangan terbang, melepaskan pintu sempadan Malaysia-Thailand, khidmat nasihat mengenai dokumen penting, pasport, penginapan hotel, makan dan minum sehingga ke lokasi sama ada di Narathiwat, Songkla atau Yala.

Seorang ejen yang ditemui mengakui pakej itu mendapat sambutan hangat kerana maklumat pelanggan dirahsiakan dan segala urusan di Pejabat Agama Wilayah Narathiwat hanya mengambil masa tidak sampai sejam.


Secara purata ejen yang beroperasi di Kelantan itu menguruskan 30 pasangan setahun ke Selatan Thailand dengan mengenakan bayaran RM1,500. Nampaknya, memang mudah berkahwin di sana tapi ramai yang tidak memikirkan masalah selepas itu yang akan menghantui hidup mereka mungkin untuk selama-lamanya.

Ramai menganggap selesai akad dan diberi sijil nikah, mereka boleh terus pulang ke Malaysia. Ramai yang tidak tahu surat nikah perlu disahkan Majlis Agama Islam Songkla atau Narathiwat dan Konsul Malaysia di Thailand. Apabila permohonan untuk mendaftar perkahwinan di Malaysia dikemukakan ke Jabatan Agama Islam di Malaysia, dokumen dikemukakan tidak lengkap dan pengguna terpaksa mencari ejen tadi untuk mendapatkan surat pengesahan Majlis Agama Islam di sana. Jika ejen dapat dihubungi, pasangan itu dikira bernasib baik, jika tidak mereka terpaksa mengeluarkan lebih banyak wang untuk menguruskannya semula.

Ada pula ejen yang bertindak sebagai broker saja dan kemudian menyerahkan kepada agensi di Thailand untuk menguruskannya menyebabkan ramai pasangan tidak mendapat pakej seperti dijanjikan.

Ia menyebabkan ramai terperangkap dengan nikah sindiket yang beroperasi di kedai kopi dan menggunakan jurunikah tidak bertauliah. Pasangan yang ingin berkahwin diberi surat nikah palsu atau bertandatangan dan cop palsu. Pasangan yang menggunakan khidmat sindiket nikah palsu di negara ini mungkin terdedah kepada dosa melahirkan anak tidak sah taraf.

Berikutan itu, pelbagai masalah yang bakal dihadapi pasangan seperti sukar mendaftarkan pernikahan, kelahiran dan pendidikan anak pada masa depan. Malah, wanita juga berisiko apabila hak dan nasib anak mereka terabai apabila suami mereka meninggalkan dunia atau berlaku perceraian.



Pelbagai **masalah dihadapi** selepas pasangan bernikah di Thailand.

Selain itu, timbul pula masalah hak pewarisan harta pusaka, hak hadhanah, hak mutaah serta perkara lain membabitkan sijil pernikahan yang sah.

Mengikut Ketua Hakim Syarie Kelantan, Datuk Daud Mohammad, mereka yang membantu pasangan negara ini berkahwin di Selatan Thailand untuk merahsiakannya daripada keluarga dianggap bersubahat dan boleh dihukum penjara.

Mengikut Seksyen 134 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002, sesiapa yang bersubahat boleh dikenakan hukuman sama seperti pasangan yang melakukan poligami. Seksyen itu memperuntukkan denda RM1,000 atau penjara enam bulan atau kedua-dua sekali.

“Kenapa hendak berkahwin di sana sedangkan mereka boleh berkahwin di negeri masing-masing. Jika wali enggan pun, mereka (pasangan) boleh datang ke mahkamah untuk dapatkan kebenaran.

“Begitu juga poligami, di Kelantan tidak ada satu pun kita tolak tetapi perlu mengikut proses dan prosedur,” katanya yang menambah proses mendaftarkan perkahwinan di negeri ini selepas nikah di selatan Thailand mengambil masa kira-kira tiga bulan.

Bagi yang ingin berkahwin di Selatan Thailand, fikirilah juga risiko kawasan yang ditujui itu mungkin dibom atau berlaku tembak menembak yang mungkin membahayakan nyawa mereka.



Penulis

ialah Ketua Biro BH Kelantan